

05 NOV 2002

ASEAN-JEPUN/I

ASEAN, JEPUN TANDATANGANI PERKONGSIAN EKONOMI

PHNOM PENH, 5 Nov (Bernama) -- Sehari selepas memeterai perjanjian dengan China untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) yang mungkin merupakan yang terbesar di dunia, Asean dan sebuah lagi kuasa besar Asia Utara, Jepun, hari ini menandatangani perisytiharan mengenai perkongsian ekonomi lengkap (CEP) bagi kemungkinan mewujudkan satu lagi FTA dalam tempoh 10 tahun.

Dalam satu deklarasasi yang dikeluarkan sempena sidang kemuncak mereka di sini, pemimpin-pemimpin Asean dan Jepun berkata bahawa kedua-duanya mahu mengadakan perkongsian yang luas, meliputi bukan sahaja liberalisasi perdagangan dan pelaburan, malah juga langkah-langkah menggalak dan mempermudah perdagangan dan pelaburan.

Mereka mengambil keputusan bahawa sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengadakan satu rangka kerja ke arah mencapai CEP ini. Jawatankuasa ini akan mengemukakan laporan kepada mesyuarat pemimpin-pemimpin ini pada mesyuarat yang akan diadakan tahun depan.

Bagaimanapun, tidak disebut tentang sektor pertanian yang merupakan bidang sensitif bagi Jepun.

Pemimpin-pemimpin itu berkata, sambil mengusahakan CEP antara Jepun dan Asean secara keseluruhannya, mana-mana negara anggota Asean dan Jepun boleh mengadakan usaha untuk membina perkongsian ekonomi dua hala.

"Kita sedar bahawa matlamat pembinaan blok demikian haruslah bagi memperkukuhkan perkongsian ekonomi sedia ada di antara Jepun dan Asean secara keseluruhan dan, dengan ini sebagai asas, untuk meneroka dan memperluaskan perkongsian ekonomi demikian bagi keseluruhan Asia Timur," kata mereka.

Dokumen tersebut telah ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin kesemua negara anggota Asean dan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi. Malaysia telah diwakili oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

CEP, kata mereka, akan memperluaskan perdagangan dan meningkatkan pertumbuhan antara kedua-dua rantau itu, dan menjelang tahun 2020, nilai eksport dari Asean ke Jepun akan meningkat sebanyak AS\$20.63 bilion (AS\$1=RM3.80) atau 44.2 peratus lebih tinggi daripada tahun asas 1997.

Nilai eksport dari Jepun ke Asean akan bertambah sebanyak AS\$20.02 bilion iaitu bersamaan 27.5 peratus berbanding nilai eksport tahun asas itu.

Pemimpin-pemimpin Asean dan Jepun itu juga menegaskan bahawa layanan istimewa dan berbeza boleh diberikan kepada negara-negara Asean yang sedang membangun selaras dengan perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), dengan tolak ansur tambahan diberikan kepada negara-negara yang baru menjadi anggota Asean.

Sidang kemuncak Asean+Jepun hari ini diadakan berikutan Sidang Kemuncak Asean Kelapan dan Sidang Kemuncak Asean+China. Asean juga mengadakan mesyuarat peringkat tertinggi dengan Korea Selatan hari ini.

Dan buat pertama kalinya, pemimpin-pemimpin Asean dan India mengadakan sidang kemuncak untuk menetapkan hala tuju strategik ke arah memperkukuhkan hubungan dan memupuk penyepaduan ekonomi yang lebih erat antara Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Sidang Kemuncak ini adalah cetusan fikiran Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, semasa lawatannya ke New Delhi pada bulan Februari 2000 dan telah dipersetujui pada sidang kemuncak Asean di Brunei tahun lalu.

India, yang diwakili di Phnom Penh oleh Perdana Menteriinya, Atal Bihari

Vajpayee, telah bersetuju untuk membantu dalam pelaksanaan Inisiatif bagi Penyepaduan Asean (IAI), dengan menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai tumpuan utama dalam usaha kerjasama ini.

IAI telah dilancarkan dua tahun lalu untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara-negara anggota lama dan baru Asean dengan menggerakkan sumber-sumber dalam Asean serta memanfaatkan sumber-sumber dari luar rantau ini dan sektor swasta.

India merupakan salah sebuah ekonomi pasaran yang semakin berkembang di dunia dengan keluaran dalam negara kasar melebihi AS\$2 trilion dan pasaran yang terdiri daripada 1.5 bilion orang.

Nilai dagangan antara Asean dan India pada tahun 1999 berjumlah AS\$7.6 bilion dan meningkat kepada AS\$9.9 bilion pada tahun 2001.-- BERNAMA

MAM SHO KTC KY OS